



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**SIARAN MEDIA
(PRESS RELEASE)**

SINTOK, 2 November 2010 – Universiti Utara Malaysia (UUM) terpaksa menangguhkan Majlis Konvokesyen Ke-23, Sidang Kedua 2010 bagi sesi kelima dan keenam selepas mengambil kira beberapa faktor keselamatan dan banjir.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis konvokesyen bagi dua hari pertama sebelum ini yang bermula 31 Oktober hingga 1 November 2010 berjalan dengan lancar.

Bagaimanapun, bagi sesi kelima dan keenam pada hari terakhir majlis konvokesyen, iaitu pada 2 November terpaksa ditangguhkan atas sebab banjir di kawasan sekitar universiti ini.

Beliau berkata, antara sebab keselamatan itu ialah jalan utama yang menghubungkan UUM dengan bandar Alor Setar membabitkan Lebuhraya Utara Selatan ditutup kepada semua kenderaan disebabkan banjir akibat hujan lebat, sejak dua hari lalu serta beberapa laluan alternatif juga amat membahayakan pengguna jalanraya.

“UUM amat berat hati untuk membuat keputusan ini tetapi demi kebaikan dan keselamatan para graduan, ibu bapa, waris dan staf menyebabkan keputusan ini terpaksa dibuat.